

BETACYCLIC OINTMENT

Betamethasone Dipropionate/Salicylic Acid(0.643mg/1g / 30mg/1g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betacycllic Ointment
2. Bagaimana Betacycllic Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betacycllic Ointment
4. Cara menggunakan Betacycllic Ointment
5. Semasa menggunakan Betacycllic Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betacycllic Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betacycllic Ointment

Melegakan keradangan yang berlaku semasa penebalan pada permukaan kulit dan penyakit kulit kering yang bertindak balas kepada kortikosteroid seperti proriasis, dermatitis, liken planus (keradangan kulit), ekzema, dan keadaan *ichthyotic* (kasar, kering, dan bersisik).

Bagaimana Betacycllic Ointment berfungsi

Betamethasone dipropionate merupakan agen anti-radang, antipruritic (anti-kegatalan) dan mempunyai tindakan vasokonstriksi (pengecutan saluran darah). Salicylic acid mempunyai fungsi keratolik (keupayaan untuk melembutkan lapisan sisik atas kulit), antibakteria dan tindakan antikulat.

Sebelum menggunakan Betacycllic Ointment

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada bahan dalam BETACYCLIC OINTMENT.

-Sebelum mengambil Betacycllic Ointment

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi:

- jika anda mempunyai jangkitan
- jika anda hamil atau menyusukan anak
- jika anda menggunakan ubat-ubatan yang lain.

Betacycllic Ointment hanya digunakan semasa hamil sekiranya faedah sewajarnya dengan risiko terhadap janin.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Elakkan daripada menggunakan ubat-ubatan yang lain pada bahagian dimana anda menyapu Betacycllic Ointment kecuali jika doktor atau ahli farmasi membenarkan.

Cara menggunakan Betacycllic Ointment

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dengan lapisan yang nipis pada bahagian terjejas, dua kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Pada waktu pagi dan malam.

-Berapa lama perlu digunakan

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan Betacycllic Ointment, gunakannya secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan Betacycllic Ointment yang berpanjangan atau berlebihan boleh menyebabkan gejala *hypercorticism* seperti penipisan kulit. Pertumbuhan terencat dalam golongan kanak-kanak telah dilaporkan.

Penggunaan ubat topikal yang mengandungi salicylic acid secara berlebihan atau berpanjangan boleh mengakibatkan simptom *salicylism* seperti loya, muntah dan bunyi deringan dalam telinga.

Dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika menghadapi gejala-gejala tersebut.

Semasa menggunakan Betacycllic Ointment

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakannya dengan berpandukan kepada label atau seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Berhenti menggunakan Betacycllic Ointment sekiranya berlaku alahan, kerengsaan atau kekeringan yang melampau selepas menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menyentuh krim pada mata dan membran mukus dan jangan simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Langkah berjaga-jaga perlu diambil sekiranya krim digunakan secara berpanjangan atau digunakan oleh kanak-kanak dan bayi. Elakkan penggunaan Betacycllic Ointment secara berleluasa ke atas badan atau guna dengan teknik oklusi.

Kesan-kesan sampingan

Rasa pedih, kegatalan, kerengsaan, kekeringan, folliculitis (keradangan folikel rambut), *hypertrichosis* (pertumbuhan rambut yang berlebihan), letusan jerawat, *hypopigmentation* (kehilangan warna kulit), dermatitis perioral (ruam muka di sekeliling mulut) dan sentuhan alergi keradangan kulit telah dilaporkan. Berikut mungkin berlaku dengan lebih kerap dengan menggunakan pembalut occlusive, warna kulit menjadi lembut, jangkitan sekunder, penipisan kulit, tanda regangan dan ruam panas telah dilaporkan. Salicylic acid boleh menyebabkan keradangan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Betacycllic Ointment

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada keadaan panas dan lembap.

-Pelupusan

Mendapat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Salap lutsinar berwarna putih kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-
Betamethasone dipropionate
Salicylic acid

Bahan tidak aktif-
Mineral oil dan white petrolatum

-Nombor MAL

MAL 12025054A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor D.E.,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor D.E.,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

04/11/15

Nombor siri:

BPFK(R4/1)031115/00395